

Ambil langkah segera atasi KWSP terus rugi

UTUSAN MALAYSIA 21/6/2018 p.4

KUALA LUMPUR 20 Jun - Kerajaan perlu mengambil langkah pemulihan segera bagi mengatasi kerugian pelaburan yang dialami Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk mengelakkan agensi tersebut mengalami kerugian yang boleh menjejaskan pulangan dividen untuk pencarum.

Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), **Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff** berkata, penurunan nilai saham syarikat utama yang menjejaskan pelaburan KWSP sekiranya berlanjutan sehingga beberapa bulan akan memberi kesan terhadap pelaburan jangka panjang agensi itu dan menyebabkan keuntungannya terjejas.

“Setakat ini, kerugian yang dialami masih belum menjejaskan pelaburan jangka panjang KWSP, namun sekiranya berterusan dalam masa beberapa bulan, ia akan memberi gambaran bahawa syarikat mempunyai masalah.

“Perkara ini menyebabkan keyakinan pelabur hilang dan keuntungan syarikat juga terjejas, seterusnya memberi kesan kepada pulangan dividen untuk pencarum,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Razman ber-



AHMED RAZMAN



YEAH KIM LENG

kata, kerajaan perlu mengembalikkan keyakinan pelabur dengan menyelesaikan skandal kewangan yang didedahkan dengan segera dan menjelaskan polisi kewangan negara kepada pelabur asing.

Sementara itu, pensyarah ekonomi Universiti Sunway, **Dr. Yeah Kim Leng** tidak menafikan kerugian tersebut adalah disebabkan beberapa siri pengumuman kerajaan tentang penyelewengan yang dilakukan oleh kerajaan terdahulu, selain

KWSP rugi RM6.09 bilion

➤ Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) rugi RM6.09 bilion dalam tempoh sebulan.

➤ Menurut *The Edge*, nilai pelaburan kumpulan itu menurun daripada RM51.21 bilion kepada RM45.12 bilion.



➤ Kerugian dicatatkan menerusi pelaburan dalam 10 syarikat tersenarai awam (PLC).

➤ Sektor pembinaan paling teruk terjejas ekoran pengumuman kerajaan baharu yang mahu mengkaji semula projek mega.

BERITA DI MUKA 3

KERATAN *Utusan Malaysia* semalam.

keputusan mendadak kerajaan berkenaan beberapa projek mega.

Menurutnya, pengumuman tersebut mewujudkan ketidaktentuan berkenaan kedudukan fiskal negara, lalu menjejaskan keyakinan pelabur, terutamanya pelabur asing.

“Untuk mengelakkan kesan berpanjangan, setiap pendedahan yang dilakukan kerajaan perlu disusuli dengan penjelasan yang cukup supaya pelabur asing dapat menilai risiko dalam pelaburan mereka,” katanya.